



Ya Allah !! Limpahkanlah taufik dan hidayah, ilmu yang bermanfaat, rezeki yang diberkati, kesihatan yang sempurna, hidup dalam Islam dan mati dalam iman kepada kami dan kepada sesiapa yang terlibat dalam usaha penerbitan RISALAH ini. Amin ! Ya Rabbal Alamin !!

KISAH ASAL USUL HAJAR ASWAD

Oleh: Ustaz Safwan Fathy (Penerima Anugerah Imam al-Ghazali Negeri Selangor)

Ketika Nabi Ibrahim a.s bersama anaknya membina Kaabah banyak kekurangan yang dialaminya. Pada mulanya Kaabah itu tidak ada bumbung dan pintu masuk. Nabi Ibrahim a.s bersama Nabi Ismail bertungkus kumus untuk menjayakan pembinaannya dengan mengangkut batu dari berbagai gunung. Dalam sebuah kisah disebutkan apabila pembinaan Kaabah itu selesai, ternyata Nabi Ibrahim masih merasakan kekurangan sebuah batu lagi untuk diletakkan di Kaabah. Nabi Ibrahim berkata Nabi Ismail berkata, "Pergilah engkau mencari sebuah batu yang akan aku letakkan sebagai penanda bagi manusia."

Kemudian Nabi Ismail a.s pun pergi dari satu bukit ke satu bukit untuk mencari batu yang baik dan sesuai. Ketika Nabi Ismail a.s sedang mencari batu di sebuah bukit, tiba-tiba datang malaikat Jibril a.s memberikan sebuah batu yang cantik. Nabi Ismail dengan segera membawa batu itu kepada Nabi Ibrahim a.s. Nabi Ibrahim a.s. merasa gembira melihat batu yang sungguh cantik itu, beliau menciumnya beberapa kali. Kemudian Nabi Ibrahim a.s bertanya, "Dari mana kamu dapat batu ini?"

Nabi Ismail berkata, "Batu ini kuterima daripada yang tidak memberatkan cucuku dan cucumu (Jibril)."



Nabi Ibrahim mencium lagi batu itu dan diikuti oleh Nabi Ismail a.s. Sehingga sekarang Hajar Aswad itu dicium oleh orang-orang yang pergi ke Baitullah. Siapa sahaja yang bertawaf di Kaabah disunnahkan mencium Hajar Aswad. Beratus ribu kaum muslimin berebut ingin mencium Hajar Aswad itu, yang tidak mencium cukuplah dengan m e m b e r i k a n isyarat lambaian tangan sahaja. Ada r i w a y a t m e n y a t a k a n bahawa dulunya batu Hajar Aswad itu putih bersih, tetapi akibat dicium oleh setiap orang yang datang m e n z i a r a h i

Kaabah, ia menjadi hitam seperti terdapat sekarang. Wallahu a'alam.

Apabila manusia mencium batu itu maka timbullah perasaan seolah-olah mencium ciuman Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail. Ingatlah wahai saudara-saudaraku, Hajar Aswad itu merupakan tempat diperkenan doa. Bagi yang ada kelapangan, berdoalah di sana, Insya Allah doanya akan dikabulkan oleh Allah SWT. Jagalah hati kita sewaktu mencium Hajar Aswad supaya tidak menyengutukan Allah SWT sebab tipu daya syaitan kuat di Tanah Suci Mekah. Ingatlah kata-kata Khalifah Umar bin Al-Khattab apabila beliau mencium batu itu (Hajar Aswad) : "Aku tahu, sesungguhnya engkau hanyalah batu biasa. Andaikan aku tidak melihat Rasulullah SAW menciummu, sudah tentu aku tidak akan melakukan (mencium Hajar Aswad)."



PERINGATAN : Setelah dibaca, sila SIMPAN. JANGAN disepah-sepahkan !!

CARA DUDUK TAHIYAT AKHIR

Soalan :

Bagaimanakah cara duduk yang betul pada tahiyat awal dan duduk tahiyat akhir?

Jawapan : Seseorang itu disunatkan duduk *iftirasy* (bersimpuh) pada tahiyat awal dan duduk *tawaruk* pada tahiyat akhir.

Duduk *iftirasy* iaitu duduk di atas buku lali sebelah kiri, tapak kaki kanan ditegakkan, hujung jari kaki kanan dihadapkan ke kiblat. Sementara duduk *tawaruk* pula sama seperti duduk *iftirasy*, tetapi tapak kaki yang kiri dikeluarkan ke sebelah kanan dan punggung sampai ke tanah/ lantai.

Soalan :

Apakah hukumnya seorang makmum membaca Fatimah agak kuat sehingga menyebabkan orang di sebelahnya yang sama-sama sedang solat tidak tenteram?

Jawapan :

Perbuatan makmum itu hukumnya makruh.

Soalan:

Si A, ketika sujud dahinya tidak mencecah tempat sujud kerana terlindung oleh lilitan serbannya, sementara si B pula ketika sujud hidungnya tidak mencecah pada sajadah atau tikar sembahyang. Sahkah solat kedua-duanya?

Jawapan :

Sah solat si B kerana meletakkan hidung di atas lantai hukumnya sunat sahaja. Sementara solat si A tidak sah kerana sujudnya tidak sempurna. Dahi adalah termasuk anggota yang disyariatkan mencecah ke lantai ketika sujud.

Diriwayatkan oleh Ibnu Abbas, katanya, Rasulullah telah bersabda: "Aku disuruh sujud di atas tujuh tulang, iaitu

di atas dahi, dua tangan, dua lutut dan di atas hujung-hujung dua kaki." (Muttafaq 'alaih)

Soalan :

Benarkah mendirikan solat di Masjid al-Haram (di Makkah) dan di Masjid Nabawi (di Madinah) itu diberi pahala yang lebih tinggi daripada masjid-masjid yang lain?

Jawapan :

Ya, memang benar bersolat di Masjid al-Haram (Makkah) dan di Masjid Nabawi (Madinah) itu diberi pahala yang lebih tinggi daripada solat di masjid-masjid yang lain. Ini adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW maksudnya:

"Solat dimasjidku ini sama nilainya dengan sepuluh ribu solat, sementara solat di Masjid al-Haram itu sama dengan seratus ribu solat. Adapun solat di medan jihad sama dengan sejuta solat dan yang lebih banyak daripada kesemuanya itu ialah dua rakaat yang dilakukan oleh seseorang hamba di tengah malam." (Diriwayatkan oleh Abu al-Syaikh dan Ibnu Hibban di dalam kitabnya al-Sawab).

Soalan :

Bagaimanakah sebenarnya cara menunaikan solat di dalam kapal terbang?

1. Adakah dengan cara solat duduk di atas kerusi dengan kaki melunjur ke bawah? Atau dengan berdiri di atas kerusi yang bersambung tiga atau empat itu supaya kita dapat sujud dengan sempurna (maksudnya dahi dapat menyentuh tempat sujud kerana ini adalah termasuk syarat sah solat)?

2. Kalau kita ada wuduk dan menunaikan solat seperti cara yang pertama (soalan pertama) adakah wajib qada semula?



Jawapan :

1. Cara mendirikan solat di dalam kapal terbang ialah mengikut setakat mana yang boleh. Sekiranya dapat kita lakukan dengan sempurna iaitu seperti solat yang biasa, itulah yang sebaiknya. Tetapi kiranya keadaan tidak membolehkan, maka lakukanlah seperti keadaan solat orang sakit. Ya, sampai ke satu peringkat kita diharuskan mengerjakan solat dengan duduk di atas kerusi dengan kaki melunjur ke bawah. Kita sujud dan rukuk dengan cara isyarat saja.

2. Sesetengah ulama mengatakan solat di dalam keadaan yang demikian sekalipun ada wuduk dinamakan solat kerana menghormati waktu. Apabila kita telah tiba ke tempat yang membolehkan kita memenuhi segala syarat-syaratnya, maka hendaklah kita mengqadanya. Sementara ulama lain mengatakan, tidak perlu diqada. *Wallahu a'lam.*

**UMRAH
2015**

**HARGA DARI
RM4990**

012-398 3350

TERAM TRAVEL

SHAH ALAM

Lot 1-23 Bangunan Anggerik Mall
Sek 14 Shah Alam. **03-55183350**

Penerbangan terus ke Jeddah.
Buku Panduan serta kursus Umrah
Percuma.
Mutawif disediakan dari Malaysia

Mencontohi Kepimpinan Rasulullah SAW

B Dalam menghayati sirah atau sejarah hidup Rasulullah SAW, salah satu daripadanya adalah tentang kepimpinan Baginda SAW yang unggul. Kepimpinan di dalam rumah tangga, di masjid, sebagai ketua Negara, ketua angkatan perang dan sebagainya.

Jarang ada pemimpin yang dapat menguasai pelbagai bidang. Ada pemimpin yang begitu masyhur dalam sebuah negara, tetapi rumah tangganya kucar-kacir.

Ada pemimpin Berjaya mengumpulkan kekayaan untuk kepentingan keluarga dan kaum kerabatnya, tetapi kurang prihatin terhadap kebajikan rakyat. Ada pula pemimpin yang berjaya memakmurkan sebuah masjid, tetapi malangnya dia tidak mengambil berat hal ehwal masyarakat di sekelilingnya.

Yang lebih malang ada pula pemimpin berwibawa dan berpotensi besar untuk memajukan ummah dan negara, tetapi lemah dalam memimpin diri sendiri sehingga terlibat dengan rasuah, skandal dan sebagainya.

Di manakah rahsia peribadi Rasulullah SAW sehingga layak menjadi pemimpin agung dalam berbagai-bagai bidang?

Sesungguhnya Nabi Muhammad SAW ialah manusia utama yang diutus oleh Allah SWT dan tidak ada seorang pun yang dapat menyamai kedudukan Baginda SAW, jauh sekali untuk mengatasinya.

Bagaimanapun, kita sebagai pengikut Nabi Muhammad SAW, maka harus berusaha sedaya upaya untuk mencontohi sirah atau perjalanan hidup Baginda SAW sebaik mungkin. Demikian juga rakaman pengajaran Islam menerusi Al-Quran sebagai sumber kekuatan peribadi dan

kepimpinan Nabi Muhammad SAW serta perlunya kita mempelajari al-Sunah kerana ia adalah gambaran yang jelas tentang peri hidup dan corak kepimpinan Rasulullah SAW.

Berikut adalah antara ciri terpenting yang mengangkat Nabi Muhammad SAW sehingga berjaya muncul sebagai pemimpin agung dan berwibawa yang harus menjadi iktibar dan pengajaran kepada kita:

· Nabi Muhammad SAW memperoleh sumber kekuatan jiwa menerusi ilmu, iman dan takwa daripada Allah. Pada peringkat awal, Baginda SAW disuruh oleh Allah agar

Ada pemimpin yang begitu masyhur dalam sebuah negara, tetapi rumah tangganya kucar-kacir

merenung dan memikirkan alam ciptaan Tuhan yang terbentang luas seperti langit, bumi, matahari, bulan, bintang, peredaran siang dan malam, tumbuh-tumbuhan, haiwan ternakan dan haiwan yang melata di muka bumi.

(Sila rujuk: Surah al-Syams: 1-6, Surah al-Ghasyiah: 17-19).

Kemudian, Baginda SAW mendapat wahyu pimpinan Ilahi yang berterusan sejak zaman Makkah dan seterusnya zaman Madinah, yang meliputi aspek akidah dan syariah yang syumul atau menyeluruh. Rasulullah SAW juga membina kekuatan rohani melalui solat fardu lima waktu dan ditambah dengan solat malam (Tahajud), zikir dan doa yang berterusan siang dan malam.

· Rasulullah SAW membersihkan diri daripada segala kekotoran zahir dan batin sehingga kehidupan Baginda SAW amat indah sekali. Baginda SAW bersih daripada hasad dengki dan dendam, tidak sombong, tidak mementingkan diri sendiri, malah bersih daripada sifat negatif yang lain.

· Rasulullah SAW bersifat pengasih dan penyayang, suka menolong orang yang susah seperti anak yatim dan fakir miskin.

· Rasulullah SAW bersifat sidiq (benar, tidak berdusta), apa jua yang dituturkan maka itulah juga yang ada di dalam hatinya.

· Rasulullah SAW bersifat amanah, sebab itulah segala tanggungjawab yang dibebankan kepadanya dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

· Nabi SAW bersifat tabligh, yakni menyampaikan segala pengajaran yang diterima daripada Allah kepada umatnya dengan tujuan mendidik mereka ke jalan kebenaran.

· Rasulullah SAW memiliki sifat fatonah (kebijaksanaan) dalam mengurus, mentadbir atau mengambil sesuatu tindakan.

· Rasulullah SAW bersifat adil, dalam melayani dan memimpin umatnya, tanpa memilih bulu atau bersikap berat sebelah, sehingga Nabi SAW pernah bersabda: "Kalau anakku Fatimah mencuri, pasti aku potong tangannya."

· Nabi Muhammad SAW berjaya membentuk keluarga dengan penuh harmoni, kerana Baginda SAW amat prihatin dalam mendidik dan memimpin isteri, anak dan cucu dengan penuh kasih sayang.



NIKMAT dan UJIAN

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya bagi setiap umat itu mempunyai ujian dan ujian bagi umatku adalah harta kekayaan." - Riwayat at-Tirmidzi

Huraian

1. Harta kekayaan, kemewahan dan pangkat menyilaukan pandangan serta dapat mengubah pendirian seseorang.
2. Islam melarang umatnya bersikap terlalu mementingkan kehidupan dunia dan mengutamakan kehidupan peribadi lebih daripada kepentingan masyarakat. Sedangkan pemberian atau nikmat-nikmat keduniaan itu sebenarnya adalah suatu bentuk ujian daripada Allah SWT untuk mengukur sama ada manusia menghargainya dengan bersyukur atau tenggelam dalam kelekatan hingga menjadi kufur terhadap Allah SWT.
3. Oleh itu setiap individu perlu berwaspada agar tidak menjadikan harta kekayaan sebagai alasan untuk melupakan perintah dan suruhan Allah SWT sebaliknya menjadikan nikmat-nikmat tersebut sebagai faktor pendorong untuk melakukan kebajikan dan amal soleh yang dituntut dengan ikhlas bersungguh-sungguh kerana golongan seperti ini bukan sahaja akan beruntung di dunia bahkan mendapat

...nikmat-nikmat keduniaan itu sebenarnya adalah suatu bentuk ujian daripada Allah SWT



ganjaran besar yang di akhirat kelak. Rasulullah SAW. Bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang mempunyai kenderaan yang melebihi dari keperluannya sendiri hendaklah bersedekah kepada orang yang tidak mempunyai kenderaan dan sesiapa yang mempunyai lebih bekalan makanan hendaklah ia bersedekah kepada orang yang tidak mempunyai apa-apa bekalan makanan. Selanjutnya baginda menyebut bermacam-macam lagi harta benda yang baginda teringat hingga kami lihat bahawasanya tidak ada seorang pun dari kami yang benar-benar mempunyai kelebihan" Hadith Riwayat Muslim

Huraian

1. Islam menggalakkan umatnya supaya memberi pertolongan dan

bantuan kepada orang-orang yang susah dan orang-orang yang memerlukan bantuan samaada dari segi harta benda, kewangan dan sebagainya.

2. Hikmah bersedekah ialah untuk mengelakkan daripada mementingkan diri sendiri sebaliknya mengeratkan persaudaraan didalam Islam.

3. Bagi golongan yang kaya yang mempunyai harta kekayaan yang banyak digalakkan bersedekah dengan memberi bantuan makanan kepada golongan yang amat memerlukan, bantuan basikal untuk kanak-kanak kesekolah atau apa-apa sumbangan yang diperlukan bagi mereka yang amat memerlukan.